

# Tak tahan ibu pembenghis

Anak kasihan terhadap ayah sabar hadapi kerenah isteri suka marah dan memperlekeh suami

## Soalan

**S**AYA berusia 21 tahun dan masih menuntut di IPTA. Saya berasal daripada sebuah keluarga yang besar seramai sembilan orang. Ayah seorang pegawai kerajaan manakala ibu suri rumah. Masalah saya, sejak kebelakangan ini tidak tahan mendengar leteran ibu. Ramai mengatakan itu normal.

Tapi jika leteran itu mengeluarkan kata-kata tidak sepatutnya oleh seorang ibu terhadap anaknya menyebabkan kami berasa kurang menghormatinya lagi. Hal ini menyebabkan kami tidak suka berkongsi apa-apa cerita dengan ibu. Jika menyuarakan pendapat, ibu cepat melenting walaupun belum habis disampaikan. Ibu cepat menghukum, dengan suara yang agak kuat, membuat andaian, menuduh yang bukan-bukan dan sangat emosional.

Kami tidak melawan cakapnya, hanya mendengar, tapi jauh dalam hati kami tidak suka dengan sikap itu hinggalah berasa tidak balik rumah pun tidak mengapa. Berbanding ayah yang sangat penyabar dan amat memahami anak-anaknya.

Baru-baru ini, abang berkongsi cerita dengan keluarga tapi reaksi ibu sangat mengejutkan kami. Ibu sangat marah dan mengungkit yang bukan-bukan di depan ayah seperti memperlekehkannya. Bagi saya kata-kata ibu sangat melampau ketika itu. Kami hanya mendiamkan diri, tidak sanggup untuk mendengar kata-katanya. Berdiam lebih baik.

Sekembali ke universiti, ayah menghantar mesej dan menyuarakan perasaan malu dengan anak-anak terhadap sikap ibu tempoh hari dan terkejut dengan kata-kata dilemparkan.

Ayah menyatakan apa yang ibu sampaikan itu tidak betul dan menganggapnya satu dugaan. Kami faham dan tidak perlu menjelaskan apa-apa kerana sudah besar dan faham sikap ibu.

Bagaimanapun, kami tetap sedih dan amat kecewa dengan sikap ibu. Imej ibu bertudung labuh tidak menggambarkan perwatakannya yang sebenar. Di manakah kesabaran dan kelembutan ibu sebagai isteri serta wanita?

Anak tertekan,  
Kuala Lumpur

## Jawapan

**DR** memahami apa yang adik rasa dan sebagai seorang anak tentu mengharap ibu bersifat sabar, memahami dan lembut. Belaian kasih sayang daripada ibu bapa amat penting dalam perkembangan emosi dan sahsiah positif anak.

Apabila kasih sayang itu tidak diperoleh dan seorang ibu tidak bertindak seperti yang dijangkakan, anak akan berasa begitu kecewa. Itulah yang berlaku pada diri adik.

Sifat ibu yang cepat melenting, hanya mendengar, serta berleter berkaitan dengan tingkah laku dan sikapnya. Pemakaian ibu tidak menyebabkan konflik diri walaupun adik cuba mengaitkan kedua-duanya. Mengaitkan tingkah laku buruk ibu dengan cara pemakaiannya hanya akan menjurus kepada sifat adik memberi hukuman lebih berat kepada ibu. Emosi adik juga akan menjadi lebih kacau.

Mengenai pemakaian ibu yang bertudung labuh, ia tuntutan agama iaitu menutup aurat. Persoalan aurat ini diputuskan secara jelas oleh Allah Taala dalam al-Quran menerusi surah An-Nur ayat 31: "Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangan mereka dan memelihara kemaluannya dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang biasa nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutupkan khumurnya (tudung) ke dadanya, ...mudah-mudahan kamu

mendapat kemenangan."

**Dr** tidak mengetahui punca sebenar ibu adik bertingkah laku sedemikian. Adakah sikapnya memang begini atau hanya berlaku sejak kebelakangan ini? Apapun, ibu adik mempunyai sebab tersendiri dan mungkin berkaitan peristiwa dalam rentetan hidup ibu dan ayah ataupun ia sifat semula jadi ibu yang mungkin berasa takut mengenai kehidupannya. Pelbagai sebab boleh menyumbang kepada masalah ini.

Pada peringkat umur ibu adik, ada banyak kemungkinan atas perubahan emosi dan tingkah laku seseorang. Menopaus iaitu putus haid sering kali menyebabkan kesan emosi yang mengganggu orang lain. Kesan emosi akibat putus haid ialah individu menjadi sangat sensitif dan mudah merajuk. Selera dan tidur mudah terganggu. Individu sering rasa resah dan gelisah. Serba serbi dibuat menjadi tidak kena. Individu juga sering mengeluh dan menangis apabila bersendirian.

Untuk mengetahui perkara sebenar, adik boleh bertanya secara baik kepada ibu. Adik boleh berbincang mengenai perkara ini! Cari waktu sesuai, contohnya ketika ibu tidak marah. Ini akan mengelak daripada pelbagai tuduhan dan prejudis yang hanya akan menambahkan kemarahan dan kekecewaan adik, ibu dan keluarga. Memahami punca mengapa ibu bertindak demikian boleh mengelakkan perasaan tidak hormat adik kepadanya.

Bagaimanapun, ini tidak bermakna ibu boleh berterusan dengan tingkah lakunya dan perlu mengetahui sikapnya yang seperti memperlekehkan ayah hanya menimbulkan kebencian anak-anak dan suami terhadapnya. Ibu perlu diberitahu mengenai kata-kata anak dan suaminya, cari orang

**Pada peringkat umur ibu adik, ada banyak kemungkinan atas perubahan emosi dan tingkah laku seseorang. Menopaus iaitu putus haid sering kali menyebabkan kesan emosi yang mengganggu orang lain**

paling dipercayai ibu untuk menyampaikan perkara ini.

Peranan ayah sangat besar walaupun sikapnya yang sangat penyabar dapat mengelakkan daripada pertengkaran lebih besar.

Ayah perlu bersifat asertif dengan ibu. Sebagai seorang suami dan ketua keluarga, ayah adik mestilah memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang baik.

Ayah perlu mengatakan perasaan kecewanya terhadap apa yang dilakukan ibu.

Dengan menganggap cerita yang disampaikan mengenainya sebagai satu dugaan, ia hanya akan lebih meyakinkan ibu apa yang diceritakannya adalah benar. Ayah adik perlu menyatakan keadaan dan perasaan sebenar kepada ibu serta menafikan cerita tidak benar itu. Sebaik-

baiknya perbincangan dilakukan dalam keadaan ibu tenang.

Jika segala usaha dilakukan dan ibu adik masih lagi berterusan dengan sikapnya, mohon doa agar sikapnya berubah. Untuk mengelak daripada terlalu tertekan dengan sikap ibu, anggaplah walaupun seorang ibu sepatutnya memberi kasih sayang kepada anak, atas sebab tertentu, ibu adik tidak dapat melakukannya. Memahami perkara ini akan dapat membuatkan adik melihat ibu dari satu sudut yang lebih baik daripada apa yang dirasakan sekarang.